



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Vol. 5

# BULETIN FPN S3

## FAKULTI PERAKAUNAN

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



EVERY JOURNEY HAS  
ITS OWN BEGINNING

FACEBOOK

[fpnuitmn9s3](#)

WEB PAGE

[FPN KAMPUS SEREMBAN](#)

# Gabungan Pensyarah dan Ahli Keluarga dalam Aktiviti Sukaneka Pupuk Semangat Perpaduan dan Harmoni

oleh Ida Haryanti Mohd Noor, Rafizan Abdul Razak & PM Dr Norlaila Md Zin

*Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.* Begitulah indahnya peribahasa Melayu yang biasa kita dengar sejak sekian lama. Bersandarkan maksud yang tersirat seperti yang digarap dalam peribahasa di atas, Alhamdullilah satu Bengkel Perancangan Strategik, Fakulti Perakaunan, UiTM Kampus Seremban telah berjaya dijalankan pada 14 dan 15 Januari 2023. Bengkel ini diadakan untuk merangka inisiatif strategik yang akan dilaksanakan oleh Fakulti Perakaunan, UiTM Kampus Seremban di sepanjang tahun 2023.



Selain daripada mengadakan Bengkel Perancangan Strategik, pihak fakulti juga turut mengambil peluang untuk mengadakan aktiviti Hari Keluarga Fakulti Perakaunan, UiTM Kampus Seremban yang buat julung kalinya dilaksanakan pada tahun ini. Di samping memberi fokus untuk membantu fakulti dan universiti mencapai sasaran pencapaian prestasi yang ditetapkan, gaya hidup yang sihat dan seimbang tidak dilupakan untuk membantu mengurangkan tekanan atau “stress” selepas selesai menjalankan tanggungjawab kerja hakiki di sepanjang tahun yang lepas.

Seramai 51 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Perakaunan dan ahli keluarga mereka bersama-sama berkumpul dalam program kali ini. Terdapat banyak aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang 2 hari 1 malam tersebut yang bertempat di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah seperti perbincangan aktiviti oleh ahli jawatankuasa biro, majlis makan malam bersama ahli keluarga, aktiviti cabutan bertuah, aktiviti pertukaran hadiah sesama pensyarah serta aktiviti sukaneka yang melibatkan pensyarah dan juga ahli keluarga.

Berikut merupakan dua aktiviti sukaneka yang diadakan yang melibatkan pensyarah dan juga ahli keluarga:



### **Chopstick & Candy**

1. Permainan ini melibatkan tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan mempunyai lima pasangan pemain. Setiap pasangan diwakili oleh pensyarah dan seorang ahli keluarga.
3. Kemudian, setiap kumpulan diberikan chopstick.
4. Dengan menggunakan chopstick tersebut, setiap pasangan pemain perlu mengambil gula-gula di dalam satu bekas besar yang telah disediakan.
5. Kemudian, mereka perlu meletakkan gula-gula tersebut di satu bekas yang lain.
6. Seterusnya, pasangan pemain tersebut perlu kembali semula ke kumpulan mereka dan pasangan pemain yang berikutnya akan meneruskan permainan mengikut langkah-langkah sebelum ini (nombor 4 – 6).
7. Permainan dijalankan selama 3 minit.
8. Kumpulan yang dapat mengumpulkan gula-gula yang paling banyak dalam tempoh masa tersebut akan dinobatkan sebagai pemenang.

### **Draw, Act and Play!**

1. Permainan ini melibatkan tiga kumpulan.
2. Setiap kumpulan mempunyai lima pasangan pemain. Setiap pasangan diwakili oleh pensyarah dan seorang ahli keluarga.
3. Kemudian, pasangan pemain yang pertama akan diberi satu soalan (perkataan/ayat).
4. Pasangan pemain tersebut perlu melukis/berlakon di hadapan kumpulan mereka bagi menggambarkan soalan (perkataan/ayat) yang diberikan tadi sehingga ahli kumpulan mereka dapat meneka dengan tepat soalan (perkataan/ayat) tersebut.
5. Seterusnya, pasangan pemain tersebut perlu kembali semula ke kumpulan mereka dan pasangan pemain yang berikutnya akan meneruskan permainan mengikut langkah-langkah sebelum ini (nombor 3-5).
6. Kumpulan yang dapat menamatkan permainan paling awal akan dinobatkan sebagai pemenang.

Aktiviti sukaneka yang melibatkan pensyarah dan ahli keluarga ini telah berjalan dalam suasana yang meriah dan juga harmoni. Aktiviti seperti ini ternyata mampu memupuk semangat perpaduan dan seterusnya melestarikan hubungan silaturahim sesama masyarakat. Terima kasih kepada semua keluarga yang hadir. Semoga program bermanfaat seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa yang akan datang.

